



RINGKASAN PENEMUAN HASIL KAJIAN

KAJIAN IMPAK LATIHAN – KURSUS INDUKSI JKJK DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh:

**Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Institut Kemajuan Desa (INFRA)
Kementerian Pembangunan Luar Bandar**

**RINGKASAN PENEMUAN HASIL KAJIAN:
KAJIAN IMPAK LATIHAN – KURSUS INDUKSI JKJK
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

PENGENALAN

Kajian ini dijalankan secara dalaman oleh pasukan kajian INFRA sebagaimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian KKLW (JKIK) Bil.2/2017 bertarikh 23 Mei 2017. Kajian telah disiapkan pada awal tahun 2018 yang telah dibentang dan diterima oleh sidang Mesyuarat JKIK Bil. 2/2018 pada **25 April 2018**.

METOD KAJIAN

Kajian menggunakan rekabentuk kajian tinjauan (survei) dengan instrumen soal selidik kajian. Empat skala pengukuran utama yang digunakan melibatkan pembolehubah kefahaman, kemahiran, keupayaan dan sikap yang dibentuk oleh pasukan kajian INFRA. Kebolehpercayaan instrumen dinilai dengan *Alpha Cronbach* (α) telah mencapai tahap memuaskan iaitu kefahaman (0.92), kemahiran (0.94), keupayaan (0.88) dan sikap (0.92). Pemilihan saiz sampel kajian berpandukan jadual penentuan saiz sampel yang ditentukan berdasarkan populasi peserta Kursus Induksi JKJK di Semenanjung tahun 2015 seramai 1,050 orang. Saiz sampel yang dipilih secara rawak sebagai responden adalah seramai 278 orang melibatkan kepimpinan JKJK yang pernah menghadiri Kursus Induksi JKJK pada tahun 2015.

SKOP DAN HASIL KAJIAN

Kajian dijalankan oleh Pasukan Kajian INFRA melibatkan 151 kampung di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Perak dan Pulau Pinang. Tujuan kajian mengkaji impak program latihan induksi kepada peserta dalam kalangan kepimpinan JKJK serta mengkaji sejauh mana pencapaian objektif kajian terhadap permasalahan yang dikaji. Pengumpulan data primer bermula Ogos 2017 sehingga awal tahun 2018 yang tertakluk kesesuaian masa dan batasan kajian di lapangan. Analisis data kajian dibuat secara deskriptif dan inferensi dengan statistik perisian SPSS.

Objektif kajian untuk;

- i. Mengkaji keberkesanan kursus dari segi kefahaman dan kemahiran peserta terhadap kandungan modul pengajaran dan pembelajaran;
- ii. Mengkaji impak kursus dari segi keupayaan kepimpinan JKJKK melaksanakan fungsi dan aktiviti kepada masyarakat;
- iii. Mengkaji prestasi serta cabaran JKJKK untuk memajukan desa mengikut peranan struktur organisasi JKJKK; dan
- iv. Mengkaji sikap JKJKK terhadap tugas e-pelaporan.

Penemuan kajian dianalisis berdasarkan data mengikut variabel dan skop yang dikaji melibatkan analisis deskriptif dan inferensi.

Dari segi demografi, kebanyakan kepimpinan JKJKK (66.5%) berumur di antara 41 hingga 60 tahun. Namun, kepimpinan JKJKK juga dianggotai oleh golongan belia dan muda berumur (21-40 tahun) iaitu 15.1%. Selain itu, sebahagian besar (90.6%) kepimpinan JKJKK adalah lelaki berbanding wanita sekitar 9.4%. Dalam aspek pendidikan, kebanyakan mereka (57.6%) berkelulusan SPM dan setaraf. Bagaimanapun, terdapat trend kepimpinan JKJKK mempunyai kelulusan peringkat diploma dan ijazah yang mencatatkan 16.9%. Berkaitan pekerjaan, kebanyakan mereka (48.9%) bekerja sendiri. Terdapat juga kepimpinan JKJKK dari kalangan pesara (16.5%). Di samping itu, kepimpinan JKJKK pernah menghadiri kursus asas komputer yang mana kebanyakan mereka (64.0%) dalam Microsoft Words. Lain-lain kemahiran asas komputer termasuk Microsoft Excel (55.0%) dan Microsoft Power Point (51.8%).

Analisis skor kajian memperlihatkan sebahagian besar (93.2%) kepimpinan JKJKK mempunyai kefahaman yang tinggi kepada kandungan kursus induksi yang dipelajari. Analisis juga mendapati sebahagian besar (92.4%) mereka berkeupayaan tahap tinggi untuk mengamalkan pengetahuan kursus dan digunakan untuk berkhidmat kepada masyarakat. Manakala dalam aspek kemahiran melaksana proses kerja aktiviti JKJKK juga tinggi bagi kebanyakan kepimpinan JKJKK (64.4%).

Analisis korelasi pula menunjukkan kefahaman kursus mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan sikap, keupayaan mengamalkan pengetahuan dan

kemahiran melaksanakan kerja. Ini bermakna kefahaman adalah unsur penting untuk membolehkan kepimpinan JKJK menguasai pengetahuan dan kemahiran kursus seterusnya mempunyai sikap yang positif terhadap sesuatu perubahan atau inisiatif yang hendak diperkenalkan oleh kerajaan. Dalam konteks ini perubahan ialah dari segi e-pelaporan.

Bagi keputusan ujian ANOVA sehalu membuktikan kepimpinan JKJK yang mengikuti kursus induksi mempunyai persamaan dari segi kefahaman, kemahiran melaksana dan bersikap positif walaupun mereka berbeza dari segi tahap pendidikan. Ini bermaksud walaupun berbeza dalam aspek tahap pendidikan namun mereka mempunyai kefahaman kursus, kemahiran melaksana dan sikap positif yang sama.

Dari segi penilaian pemerhatian terhadap prestasi tadbir urus JKJK keseluruhan didapati kebanyakannya di tahap baik dan sangat baik yang melibatkan antara 60.3% hingga 86.7%. Aspek-aspek prestasi tadbir urus JKJK yang dikaji ialah pengemaskinian data, sistem fail, aktiviti takwim, mesyuarat, penglibatan program dengan KKLW dan aktiviti biro JKJK. Terdapat kepimpinan JKJK berpandangan antara cabaran kerja yang perlu dihadapi oleh institusi JKJK ialah kerjasama dan sikap masyarakat termasuk kemudahan institusi JKJK.

Berdasarkan analisis tersebut, hasil kajian dapat menjawab objektif kajian yang digariskan. Kajian menunjukkan kursus induksi dapat memberi impak dari segi kefahaman dan kemahiran kepada kepimpinan JKJK terutama kandungan modul latihan yang dipelajari. Hasil kajian juga menunjukkan kepimpinan JKJK berupaya melaksanakan fungsi dan aktiviti JKJK kepada masyarakat. Kepimpinan JKJK turut dikenalpasti bersikap positif terhadap cadangan KKLW untuk memperkenalkan penyampaian laporan JKJK melalui sistem e-pelaporan. Kajian juga mendapati cabaran kerja kepada kepimpinan JKJK turut melibatkan faktor manusia, sumber fizikal dan sikap masyarakat.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sumbangan hasil kajian dilihat dari perspektif pembangunan latihan, tadbir urus institusi, kepimpinan serta kesannya kepada pembangunan masyarakat.

Pembangunan latihan boleh direncanakan lebih teratur supaya menjadi agenda nasional yang konsisten kepada semua pemimpin dan ahli-ahli jawatankuasa yang baru dilantik. Hasil kajian menunjukkan kursus induksi masih relevan kerana dapat menyediakan pengetahuan dan kemahiran kerja yang berkaitan. Institusi JKKK antara organisasi berasaskan komuniti yang turut berperanan untuk pembangunan masyarakat desa. Kewibawaan institusi dapat dimantapkan lagi apabila JKKK mempunyai perancangan strategik untuk membangunkan kampung mereka. Perlu mengenalpasti dan berkerjasama bagaimana untuk memajukan potensi, sumber dan produk desa. Pembangunan masyarakat adalah penting supaya pelbagai keperluan masyarakat dapat dilaksanakan secara bersama.

Kajian juga mencadangkan inisiatif atau langkah-langkah ke arah penambahbaikan pembangunan latihan dan aspek-aspek berkaitan peranan institusi JKKK. Antaranya menerusi perkara-perkara berikut.

- Penerusan kursus induksi kepada JKKK
- Memastikan keberkesanan pemimpin dan Grant aktiviti JKKK
- Peningkatan kerjasama pembangunan modal insan
- Profesionalisme melalui latihan dan pendidikan
- Pelbagaikan inisiatif pemeraksanaan JKKK dan sumber institusi
- Peningkatan kemahiran dari masa ke semasa
- Prestasi pencapaian kampung dikenalpasti melalui sasaran kerja dan pemantauan.

PENUTUP

Hasil kajian diharapkan dapat dimanfaatkan mengikut kesesuaian dalam membangunkan kepimpinan dan tadbir urus JKKK yang lebih berkesan.

©2018. Ringkasan oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Institut Kemajuan Desa (INFRA) dengan izin Jawatankuasa Induk Kajian Kementerian Pembangunan Luar Bandar (JKIK).